

# **TIMBALAN REKTOR KUTKM MENINGGAL DUNIA**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 22/06/2005 | Author: / RAR MAI**

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Prof Dr Azhari Saleh, 54, meninggal dunia semalam kerana serangan jantung.

Menurut kenyataan KUTKM di sini hari ini, Allahyarham yang terbabit dalam bidang akademik selama lebih 30 tahun dan telah melatih dan melahirkan lebih 20,000 graduan tempatan dalam bidang sains dan teknologi, meninggal dunia pukul 12.15 tengah hari semalam di Hospital Pantai Ayer Keroh, Melaka.

Allahyarham yang berasal dari Teluk Mas, Melaka, meninggalkan seorang isteri Saadah Abdul Hamid, 52, dan empat orang anak berumur antara 18 dan 28 tahun.

Dr Azhari pernah berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selama 27 tahun bermula dengan jawatan tutor pada 1974 hingga dilantik sebagai Dekan Fakulti Sains dari 1990 hingga 1998. Selepas itu, beliau menjadi antara tenaga penggerak utama bagi penubuhan KUTKM dan memegang jawatan Timbalan Rektor kolej itu pada 2001.

Menurut kenyataan itu, Allahyarham juga terlibat dalam 50 jawatankuasa di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri khususnya dalam bidang pendidikan sains dan teknikal serta kerap menyelidik, menerbit dan membentangkan kertas kerja hingga ke peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

RAR MAI